

# UPM anjur MICOLLAC tahun depan

**SERDANG** Pencinta bahasa, sastera dan budaya Inggeris berpeluang menjadi peserta persidangan *Malaysia International Conference on Languages, Literatures, and Cultures* (MICOLLAC) yang akan dianjurkan oleh Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada April tahun hadapan.

Persidangan dwitahunan itu dibuka kepada semua golongan daripada pelbagai latar belakang termasuk pelajar, ahli akademik dan golongan profesional.

Ketua Jabatan Bahasa Inggeris, Prof. Madya Dr. Shameem Rafik-Galea berkata, persidangan tersebut juga membuka penyertaan kepada pembentang kertas kerja daripada bidang berkenaan yang berminat untuk turut serta.

Katanya, pihak yang berminat untuk menjadi peserta dan pembentang kertas kerja boleh menghubungi pihaknya di talian 03-89468677/8788 pada waktu pejabat.

Beliau berkata, tema MICOLLAC iaitu *Universals, Distinctions and Cross-diciplinary Perspectives* menjadi wadah penting menyokong aspirasi negara untuk melahirkan modal insan bertaraf dunia.

Persidangan kali keenam itu bakal diadakan di Marriott Putrajaya selama tiga hari bermula pada 28 April tahun depan.

"Persidangan ini membolehkan pendidik dan perancang bahasa tempatan dan antarabangsa bertukar pandangan mengenai amalan terdahulu dan semasa dalam bidang bahasa, sastera dan budaya," katanya.

Shameem berkata, hasil persidangan itu bukan sahaja membantu pelajar menyedari kekangan pembelajaran bahasa Inggeris tetapi menunjukkan kaedah pembelajaran berkesan.

UTUSAN MALAYSIA 18/11/08.